

Hadkan deposit elak salah guna - Pakar ekonomi

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Cadangan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) untuk mengehentikan simpanan pendeposit di masa hadapan merupakan idea baik bagi mengelakkan institusi berkenaan dijadikan sebagai tempat golongan tertentu meraih keuntungan.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, **Prof. Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata, pendekatan yang belum pernah dilaksanakan dalam sejarah penubuhan Tabung Haji itu akan memberi keadilan kepada pendeposit yang tidak berkeupayaan menyimpan pada



AHMED RAZMAN

nilai lebih besar.

“Kita tidak mahu ramai yang meletakkan (deposit) lebih daripada itu dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan dan apabila pulangan tidak cukup



MOHD. REDZA

tetamu segmen *Mornink Blues* menerusi portal berita *Utusan Online* bertajuk ‘Kerjakan Haji, Jangan Kerjakan Tabung Haji’ di sini, hari ini.

tinggi mereka tarik keluar. Itu yang kita tidak mahu.

“Hibah itu pula lebih tinggi daripada ASB (Amanah Saham Bumiputera), jadi mereka berada dalam situasi sukar, malah mustahil sebenarnya untuk kekal seperti ini setiap tahun,” katanya ketika menjadi

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Datuk Seri Zukri Samat semalam berkata, Tabung Haji sedang mengkaji untuk meletakkan had bagi dana setiap pendeposit pada masa depan sebagai satu daripada langkah untuk mengurangkan liabiliti kerajaan dan pendedahan kepada pendeposit.

Dalam pada itu, Ketua Penyelidik MIDF Research, **Mohd. Redza Abdul Rahman** berkata, simpanan berlebihan akan merumitkan lagi peranan Tabung Haji mendapatkan pulangan tinggi bagi pendeposit.

Sehubungan itu, beliau ber-

pandangan cadangan tersebut adalah langkah yang baik untuk mengurangkan bebanan Tabung Haji dalam memberi pulangan berpatutan.

“Ada pendeposit yang menggunakan simpanan di Tabung Haji untuk mendapatkan pulangan bersih dengan simpanan yang banyak dan jauh melebihi keperluan mengerjakan haji.

“Statistik 117,000 pendeposit mempunyai lebih 50 peratus jumlah deposit dalam Tabung Haji menunjukkan ‘masalah’ kerana tiada had yang dikenakan berbanding dengan skim amanah lain,” jelas beliau.